Sports

UMP sasar pingat emas, 10 pasukan terbaik dalam SUKUM

Wed, 08/08/2018 - 17:02

Kuantan, 7 Ogos– Pasukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mensasarkan 10 pasukan terbaik dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) kali ke-43 yang bakal berlangsung mulai 10-18 Ogos ini yang menyaksikan UMP sebagai tuan rumah penganjuran pada kali ini.

Bagi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, UMP mempertaruhkan 18 acara sukan membabitkan seramai 154 atlet lelaki dan 86 wanita bakal beraksi merebut kejuaraan dengan sokongan seramai 50 pengurus dan urusetia.

"Semua atlit telahpun bersedia dari segi fizikal dan mental serta bersemangat apatah lagi beraksi di tempat sendiri. Kita mengharapkan setiap pasukan dapat menyumbang pingat dan berbangga dengan penyertaan paling ramai membabitkan staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) diikuti Pusat Pengurusan dan Perkhidmatan Teknologi (CTMS) dan Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP (PSK)," katanya.

Beliau hadir menerima bendera kontinjen UMP daripada atlet Tenpin Boling, Syahir Ahmad Termizi dari Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP. Hadir sama Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid dan Pengurus PSK, Abd. Rahman Hj. Safie.

Prof. Dato' Dr. Yuserrie turut mengalu-alukan ketibaan kontinjen universiti awam dan mengharapkan kejohanan ini menjadikan ianya suatu medan persaingan secara sihat sambil beriadah dan bersatu dalam acara sukan.

Sempena kejohanan ini bakal menyaksikan seramai 2600 atlet dan pengurus membabitkan 21 kontingen universiti awam berkampung di UMP Pekan dan Gambang. Sebanyak 17 acara sukan bakal dipertandingkan seperti futsal, basikal, olahraga, badminton, sepak takraw, catur, tenis, ping pong, lawn bowls, memanah, petanque, temping boling, golf, bola sepak, bola tampar, bola jaring dan memancing.

Selain di kampus UMP beberapa lokasi pertandingan akan berlangsung di luar universiti seperti di Kompleks Sukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan, Stadium Sekolah Sukan Malaysia Pahang Gambang, Gelanggang Tenis Taman Gelora Kuantan, Gelanggang Lawn Bowls Indera Mahkota, SUKPA, Kelab Golf diRaja Pekan dan Megalanes Berjaya Megamall. Para atlet dan pengurus pasukan akan berkampung selama tujuh hari bermula pada 10 Ogos ini manakala majlis perasmian SUKUM bakal berlangsung pada 11 Ogos 2018 (Sabtu) pada jam 8.00 malam bertempat di Dewan Kompleks Sukan UMP Gambang.

- 124 views

View PDF